



BAHAGIAN HAL EHWAH PELAJAR ALUMNI

# BULETIN HEPA

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

edisi 1/2008

Feb-Jun

Selamat Menyambut  
Hari Kemerdekaan  
KE-51

*Selamat Menyambut  
Bulan Ramadhan 1429 H*

Tahniah dari warga HEPA di atas Pelantikan Dekan HEPA sebagai Profesor. Semoga lebih cemerlang dalam menerajui HEPA.

HEPA mengucapkan Selamat Datang dan tahniah di atas perlantikan Y.Bhg. Prof. Dr. Ahmad Yusoff bin Hassan sebagai Naib Canselor ke-2 Universiti Teknikal Malaysia Melaka.



Terima Kasih Mantan Naib Canselor Y.Bhg. Datuk Prof. Ir Ismail Hassan di atas jasa bakti yang telah diberikan kepada UTeM.



LB  
3602  
.B84  
2008  
a  
v1



# Isi | Kandungan

Konvensyen Dan Karnival Keusahawanan Nasional 2007 (Karniawan 07)

Majlis Ibadah Korban

Festival Nyanyian Lagu Dondang Sayang UTeM – MAKUM 2007

Festival Teater Makum 2007/2008

Pemantapan Jaksis Murni 2008

Kursus Pengurusan Jenazah 2008

Bengkel Team Building Untuk Ketua-Ketua Rumah,Kolej Kediaman Taman Tasik Utama, Universiti Teknikal Malaysia Melaka

Gegar U 1

Pesta Cahaya 2008

Spring Festival

Forum Intelektual Hadhari 2008 Peringkat Universiti

Kempen Kesedaran HIV/AIDS untuk Warga UTeM

Majlis Musabaqah Al-Quran Peringkat, Kolej Kediaman UTeM

Taman Tasik Utama

Bakti Siswa (Baksis) Gua Musang

Peristiwa Aktiviti 2007

Peristiwa Aktiviti 2007

Majlis Gotong-Royong Membuat Bubur Asyura 2008

Sijil Anugerah Dekan

Kem Eksplorasi Minda Siswa Cemerlang

Kempen Anti Merokok

Program Pembangunan Sahsiah MPP SeMalaysia

UTeM Kekal Juara Fiesta Muzika Makum 2008

Larian UteM JOGATHON 2008

Pameran Kebakaran Dan Penyelamat Mangsa Yang Berkesan

Kenangan Staf

Selamat Datang Di Ucapkan Kepada Staf Baru Di Unit

Pentadbiran HEPA

87515882

## Stdana | Redaksi

2

### Penaung

3 Y. Bhg. Prof. Dr. Zolkepli b. Buang

### Penasihat

4 En. Zainal b. Bidin

### Editor

5 Junaidah bt. Kassim

### Pengarang

6 En. Ahmad Faizal b. Abdul Rahman

En. Tinta Firmanika b. Selamat

En. Deenoo Aizad Abadi Bin Md. Noh

En. Mahathir Mazilan

Pn. Norhafizah bt. Md. Jusoh

En. Amir Bin Ali

En. Zainudin Abd. Hamid

Pn. Rafidah Md. Dusa

Pn. Mazne Jaaffar

En. Md Nor b. Ali

### Pembaca Pruf

Rafedah bt. Sajadi

Sharniza bt. Zainudin

### Publisiti & Promosi

Nazhatul Shima bt. Abu Samah

Sabrina bt. Saleh

### Terima Kasih & Penghargaan

18/19 Bahagian Hal Ehwal Pelajar & Alumni (HEPA)

## Kata-kata | EDITOR



Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadarat Ilahi dengan limpah kurnianya, Buletin HEPA diterbitkan dalam edisi 1/2008. Buletin ini merangkumi aktiviti-aktiviti yang dijalankan pada Disember 2007 hingga ke Mac 2008. Disamping itu juga di potretkan aktiviti yang dijalankan oleh HEPA, dan mahasiswa/i UTeM disekitar tahun 2007.

Tahun 2008 memberi nafas baru kepada HEPA kerana kehadiran staf-staf baru serta pemindahan staf lama yang telah ditukarkan ke bahagian-bahagian yang lain di UTeM. Segala kerjasama dan komitmen yang diberikan oleh mereka amatlah dihargai serta memberi impak yang baik kepada Bahagian Hal Ehwal Pelajar & Alumni.

Masa berjalan begitu pantas, awal Julai kita akan menyambut kedatangan pelajar baru. Pelbagai agenda telah dirancang sepanjang Minggu Hujan Siswa sesi 2008/2009 ini. Pada ketika ini, Mahasiswa/i didekah dengan suasana kampus, berinteraksi, membina perhubungan yang baik di kalangan pelajar senior, pentadbir dan pensyarah. Semua ini dapat memberikan pengalaman yang baru dalam suasana kampus.

Di ketika ini, sikap berdikari serta merancang perjalanan hidup yang baik perlu diterapkan di kalangan mahasiswa/i. Mereka bukan sahaja menerima segala ilmu yang dicurahkan oleh tenaga pengajar di kampus ini malahan perlu menjadi penyumbang idea-idea baru yang dapat membantu menjadikan Universiti ini sebagai Universiti Teknikal Yang Terkemuka di Dunia.

Akhir sekali, marilah kita bersama-sama mendukung dan menjayakan segala apa yang telah dirancang dalam tahun 2008 dan ingatlah kecantikan itu lahir dari hati nurani yang bersih suci, hindarkanlah dari hasad dendki dan jejak tangga kejayaan. Semoga anda adalah orang-orang berjaya. Insya Allah.

## KONVENSYEN

### DAN KARNIVAL KEUSAHAWANAN SISWA IPTA PERINGKAT NASIONAL 2007 (KARNIAWAN 07)

Konvensyen dan Karnival Keusahawanan Siswa IPTA Peringkat Nasional 2007 ( KARNIAWAN'07) merupakan salah satu acara tahunan Majlis Keusahawanan Mahasiswa Universiti-Universiti Malaysia (MAKMUM) dengan kerjasama Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MECD)

Pada kali ini Universiti Malaya telah dipilih sebagai tuan rumah dalam menganjurkan konvensyen kali ke empat ini. Konvensyen yang telah berlangsung selama 3 hari bermula pada 22 hingga 24 Disember 2007 ini telah dirasmikan oleh En. Che Mohd Hashim Abdullah, Timbalan Ketua Setiausaha (Usahawan), MECD di Auditorium Kompleks Perdana Siswa Universiti Malaya. Dengan bertemakan 'Empowering Entrepreneur Excellence', KARNIAWAN '07 telah menjadi satu landasan yang mampu memberi manfaat kepada pelajar universiti tentang kepentingan bidang keusahawanan dan seterusnya menghargai dan memberi pengiktirafan kepada pelajar Institusi Pengajian Tinggi (IPT) yang telah menunjukkan prestasi baik dalam bidang Keusahawanan

Seramai 13 orang pelajar daripada Kelab Usahawan di bawah pengurusan Ketua Unit Keusahawanan iaitu En. Ahmad Faizal bin Abdul Rahman telah mengambil bahagian dalam program yang dianjurkan. Sepanjang program 'KARNIAWAN07', pelbagai program telah dijalankan antaranya Entrepreneur Race, Persembahan Perancangan Perniagaan, Pertandingan Power Your Mind, Bicara Usahawan Gemilang – Memperkasakan Keusahawanan Siswa dan Modul Motivasi usahawan. Kesemua aktiviti ini dijalankan di Auditorium Kompleks Perdana Siswa, Universiti Malaya, Manakala untuk pertandingan "Best Shop" ianya telah diadakan di Hall 3. Mid Valley Exhibition Center (MVEC).

Kemuncak bagi KARNIAWAN' 07 adalah malam anugerah Juara-juara dan perasmian penutup yang dirasmikan oleh Y.B Dato' Mustapa Mohamed, Menteri Pengajian Tinggi yang telah berlangsung di Hotel Istana Kuala Lumpur. Walaupun UTeM tidak mendapat anugerah pada malam tersebut tetapi komitmen yang tinggi dalam usaha untuk bersaing dengan Universiti lain amat di puji. Pelbagai cara digunakan bagi menjual barang gerai kepada pelanggan untuk mengaut keuntungan. Di situ mereka belajar secara realiti betapa mencabarannya sebagai seorang usahawan.



## Ibadah KORBAN SEMPENA SAMBUTAN AIDIL ADHA UTeM 1428H

20 & 21 Disember 2007: Kampung Klebang Kechil dan Kampus Tetap Durian Tunggal. UTeM telah mengadakan dua hari berturut-turut Majlis Ibadah korban sempena sambutan Aidil Adha 1428H yang lalu. Majlis ini dianjurkan oleh Unit kerohanian Bahagian Hal Ehwal pelajar & Alumni dan kerjasama oleh Pusat Islam UTeM.

Majlis ibadah korban pada 20 Disember yang telah berlangsung di Batu 2,3 ¼ Klebang Kechil melaka yang mana kali ini diketuai oleh Dekan HEPA Y. Bhg. Prof Dr. Zolkepli bin Buang. Sempena Majlis ini Y.Bhg. Dato' Prof. Abu Bin Abdullah, Timbalan Naib Canselor Akademik dan Pengantarabangsaan telah sama-sama hadir bagi menyerikan lagi Majlis tersebut

Dalam Majlis tersebut, tiga ekor lembu sumbangan staf dan Persatuan Alumni UTeM telah disembelih. Manakala 2 ekor lagi adalah sumbangan daripada Ahli Parlimen Tangga Batu Y. Berusaha Dato' Idris Haron. Penduduk sekitar dan staf UTeM telah turut menggembung tengah dalam menyempurnakan Majlis ibadah Korban tersebut. Kerjasama yang diberikan amatlah dihargai.

Majlis Ibadah Korban yang berlangsung pada keesokan hari merupakan sumbangan daripada Tun Canselor UTeM dan staf. Tiga ekor lembu telahpun disembelih dalam majlis korban tersebut. Sekali lagi kemeriah dan semangat berpasukan dipamerkan oleh staf UTeM dalam majlis tersebut.

Kehadiran Naib Canselor UTeM bersama isteri pada pagi hari tersebut berupa satu kegembiraan kepada staf UTeM. Turut hadir pada majlis tersebut ialah Timbalan Naib Canselor A&A dan P&I dan beberapa pegawai kanan Universiti.




# Festival Nyanyian Lagu Dondang Sayang

UTeM - MAKUM 2007



Unit Kebudayaan & Warisan, Bahagian Hal Ehwal Pelajar & Alumni dengan kerjasama Kementerian Kebudayaan, Kesenian & Warisan Malaysia, Majlis Kebudayaan Universiti-universiti Malaysia dan Majlis Perwakilan Pelajar telah menganjurkan Festival Nyanyian Lagu Dondang Sayang UTeM-Makum 2007 pada 28-30 November 2007 yang bertempat di dua lokasi iaitu Taman Budaya Negeri Melaka Medan Terapung Ikan Bakar Umbai dan Pentas Budaya, Pantai Puteri Melaka.


Festival ini diadakan adalah bertujuan sebagai platform untuk para mahasiswa/I menyalurkan rasa kecintaan kepada salah satu seni warisan yang telah lama terpinggir disamping dapat memperkenalkan keunikian kesenian dondang sayang khususnya dari segi nyanyian kepada pelajar-pelajar IPTA lain di luar negeri Melaka. Selain itu dapat menjalinkan perkongsian, perpaduan dan persefahaman yang erat di antara pelajar UTeM dengan pelajar-pelajar dari IPTA lain dan bersama-sama menyuburkan aktiviti-aktiviti kesenian dan kebudayaan demi memartabatkan warisan bangsa khususnya di negeri Melaka.



Festival ini telah mendapat sambutan yang amat mengalakkan dimana sebanyak 11 buah universiti telah menghantar wakil penyertaan. Program ini telah berlangsung selama 3 hari dan diadakan di 2 tempat yang berlainan. Pada 28 dan 29 November 2007 festival ini telah diadakan di Taman Budaya bermula dari jam 9.00 pagi sehingga jam 11.00 malam. Sepanjang program taklimat, pengenalan tentang Dondang sayang dan LDK telah diberikan kepada peserta dan bermulalah pembukaan Festival Dondang Sayang.

Pada 30 November 2007 telah diadakan pertandingan nyanyian dondang sayang bertempat di Pentas Budaya, Pantai Puteri bermula dari jam 8.30 hingga 11.30 malam. Majlis perasmian dan penutup telah disempurnakan oleh YB. Hj. Ab. Rahaman bin Hj. Ab. Karim, Pengurus Jawatankuasa Negeri Pelancongan Kebudayaan dan Warisan. Seramai 3 orang pemenang telah diumumkan iaitu Tempat Pertama telah dimenangi oleh Universiti Teknikal Malaysia Melaka(UTeM) dan telah menerima wang tunai sebanyak RM600.00, tempat kedua disandang oleh Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan telah menerima wang tunai sebanyak RM400.00 dan tempat ketiga disandang oleh Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan menerima wang tunai sebanyak RM200.00.

## FESTIVAL TEATER MAKUM 2007/2008



Bahagian Hal Ehwal Pelajar & Alumni dan Exco Kebudayaan, Kesenian & Warisan, Majlis Perwakilan Pelajar, Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah menghantar penyertaan ke Festival Teater MAKUM 2007/2008 buat kali kedua. Festival ini dianjurkan oleh Universiti Malaya dengan Kerjasama Majlis Kebudayaan Universiti-Universiti Malaysia (MAKUM) pada 16 Januari 2008

Diantara Objektif pementasan ini ialah mendedahkan pelajar dengan dunia pementasan teater yang professional, mencungkil bakat-bakat pelajar khususnya dalam bidang lakonan dan pengurusan produksi, menaikkan semangat cintakan budaya dan tradisi seni pentas agar tidak luput begitu sahaja, memberi peluang kepada mahasiswa dan mahasiswi dari IPTA yang berbeza untuk bertemu dan menjalinkan hubungan baik untuk menghasilkan satu daya kerja dan kesefahaman yang boleh menyumbang kearah pembangunan bangsa dan Negara.

Pada pertandingan ini, peserta dari UTeM telah menghantar satu pasukan produksi teater dengan pementasan bertajuk "Dunia Bukan Ku Pinta". Sebelum pertandingan sebenar, telah diadakan persembahan di hadapan Dekan Hal Ehwal pelajar & Alumni serta penonton di Dewan UTem. Pementasan ini mendapat pujian kerana kesungguhan pelakonnya dalam menjawai watak yang dibawa oleh setiap pelakon Teater ini berkisarkan pergolakan hidup keluarga yang mempunyai anak yang cacat serta ayah yang tidak bertanggungjawab terhadap keluarganya. Penderitaan si ibu melihat anaknya dicerca serta suaminya dalam mengharungi liku-liku kehidupan.

Walaupun begitu kumpulan teater ini kurang mendapat perhatian dikalangan pelajar. Ianya merupakan satu titik perubahan untuk memberi peluang dan pendedahan kepada pelajar untuk meminati bidang seni ini.

## **PEMANTAPAN JAKSIS MURNI 2008**



11 Januari hingga 13 Januari 2008 : Pengkalan Balak Melaka Ismah Beach Resort. Dengan tema "Merintis Perubahan Ke arah Kegemilangan. Seminar Pemantapan Organisasi JAKSIS UTeM merupakan satu program pemantapan struktur jawatankuasa kolej kediaman bagi melahirkan semangat kecintaan kepada kolej. Dengan berteraskan konsep rumahku syurgaku, seminar ini membawa harapan untuk memberi pendedahan dan segala maklumat kepada peserta berkaitan segala perancangan kolej dalam memastabatkan nama Kolej Kediaman UTeM Murni setaraf dengan kolej-kolej kediaman yang terkemuka di Malaysia.

Untuk merealisasikan program ini, Pihak Pengurusan Kolej Kediaman UTeM Murni telah bertolak awal pada jam 3.30 petang untuk membuat persiapan pendaftaran di Ismah Beach Resort Pengkalan Balak, Melaka. Seramai 100 pelajar dianggotai oleh wakil ketua rumah dan juga JAKSIS Kolej Kediaman UTeM Murni telah sama-sama menjayakan program ini. Antara aktiviti yang dijalankan ialah pengagihan kumpulan serta aktiviti mendirikan khemah secara berkumpulan.

Pada jam 8.30 malam Majlis Perasmian telah dirasmikan oleh Pengetua Kolej Kediaman dan juga makan malam. Seterusnya diadakan Ice Breaking antara skop yang diutarkan ialah Perbincangan Kumpulan, Mengenali Peserta, Lihat dan Buat serta Red Carpet

Pada tarikh 12 Januari 2008, seperti biasa solat subuh dan kuliah subuh diwajibkan oleh peserta pada jam 5.55 pagi. Selepas sembahyang solat subuh dan kuliah serta aktiviti senam pagi. Seterusnya pengisian 2 : Leadership in me. Slot ini dibentangkan oleh En. Abd. Halim Hakim bin Abd. Aziz Pengetua Kolej Kediaman UTeM Murni. Selepas itu, LDK 1 untuk setiap kumpulan iaitu lukiskan logo kumpulan, misi, visi dan objektif.

LDK 2 Pada jam 2.30 petang setiap kumpulan perlulah membentangkan soalan yang dikemukakan oleh fasilitator iaitu " Anda diberi RM 90 juta untuk mendiri sebuah Kolej Kediaman. Berikan kemudahan dan prasarana untuk mendirikan sebuah Kolej Kediaman yang telah diberikan peruntukan. Pengisian 3 : Pengurusan Masa. dibentangkan oleh En. Ammar Felo Kolej Kediaman UTeM Murni pada jam 9.00 malam.

Pada jam 5.30 petang Riadah setiap kumpulan iaitu Bola Sepak Pantai, Tarik Tali dan Chapli Chaplin. Pada hari terakhir 13 Januari 2008. Forum Pemangkin "Peranan Mahasiswa Terhadap Universiti" disampaikan oleh penceramah jemputan.

## **KURSUS PENGURUSAN JENAZAH 2008**

Unit Kerohanian, Pejabat Hal Ehwal Pelajar & Alumni, Pusat Islam dengan kerjasama Badan Dakwah & Kerohanian (BADAR) UTeM telah menganjurkan Kursus Pengurusan Jenazah 2008 pada 24 Februari 2008 bertempat di Masjid Al-Alami MITC Ayer Keroh Melaka. Penganjuran Kursus Pengurusan Jenazah ini adalah kesinambungan daripada Kursus Pengurusan Jenazah yang telah dilaksanakan pada 4 Mac 2006 dan ini merupakan siri keempat. Seperti yang kita semua sedia maklum menguruskan jenazah adalah merupakan perkara yang tidak boleh kita elakkan begitu sahaja. Ianya merupakan fardhu kifayah ke atas umat Islam.

Kursus ini bertujuan untuk memberikan kesedaran bahawa setiap yang bernyawa pasti akan mati, membentuk sifat taqwa kepada Allah dan memberikan latihan untuk menjadikan mahasiswa UTeM yang multi-skills. Selain itu diharap dapat memberikan kesedaran dan rasa tanggungjawab disamping memberikan pendedahan dan penghayatan di dalam diri mahasiswa/i terhadap kepentingan fardhu kifayah.

Kursus ini telah dihadiri seramai 164 orang pelajar UTeM dan seramai 34 orang staf dan peserta dari pihak luar. Seramai 2 orang penceramah telah diundang untuk memberikan tunjuk ajar dan panduan sepanjang program ini berlangsung. Penceramah tersebut iaitu Ustaz Rosly bin Sairan dan Puan Rusnah binti Ahmad, Pembantu Hal Ehwal Islam dari Institut Latihan Kesihatan KAGAT, Kem Terendak Melaka.

Bermula dari jam 9.00 pagi kursus ini berbentuk teori dan praktikal. Untuk praktikal pelajar lelaki dan wanita diasingkan dibahagikan sebanyak enam kumpulan. Peserta telah diajar berkenaan adab menziarah orang sakit dan seterusnya diajar bagaimana menguruskan jenazah orang Islam. Setiap kumpulan telah diminta untuk menyediakan seorang model jenazah dan segala aktiviti telah dijalankan dengan jayanya. Kursus ini telah ditamatkan pada jam 5.30 petang selepas acara Perasmian Penutup yang telah disempurnakan oleh Y.Bhg. Prof. Dr. Zolkepli bin Buang, Dekan Hal Ehwal Pelajar & Alumni.



## BENGKEL TEAM BUILDING UNTUK KETUA-KETUA RUMAH

KOLEJ KEDIAMAN TAMAN TASIK UTAMA UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA



Bengkel Team Building Ketua-Ketua Rumah, Kolej Kediaman Taman Tasik Utama melalui Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Universiti Teknikal Malaysia Melaka telah diadakan pada 12 Januari 2008 bersamaan dengan 3 Muharram 1429 H bertempat di hadapan Pentas Budaya , Pantai Puteri, Klebang, Melaka. Program ini telah diadakan bagi memupuk semangat kerja berkumpulan dan jati diri sebagai seorang ketua.

Seramai 91 orang ketua rumah Kolej Kediaman Taman Tasik Utama diarahkan untuk menghadiri program tersebut. Walaubagaimanapun hanya 52 orang ketua rumah sahaja yang hadir. Ini adalah disebabkan pertindihan program yang telah dijalankan oleh Fakulti FTMK pada tarikh yang sama. 2 bas telah disediakan bagi membawa peserta bengkel ke Pantai Puteri, Klebang, Melaka. Bas telah bertolak dari Kolej Kediaman TTU2 dan TTU3 lebih kurang pada jam 7.30 pagi dan tiba ke destinasi setengah jam kemudian.

Aktiviti bermula tepat pada jam 8.30 pagi dan dimulai dengan taklimat ringkas daripada Pn. Hajjah Norida binti Abdullah, Pengetua Kolej Kediaman Taman Tasik Utama dan disusuli dengan acara regangan di ketuai oleh Pn. Asiah binti Haji Mohd Pilus, Felo Kolej Kediaman Taman Tasik Utama 3. Selepas itu pelajar telah dibahagikan kepada kumpulan dan dipecahkan kepada 6 kumpulan dimana setiap kumpulan terdiri daripada 8 hingga 9 orang pelajar. Selepas pembahagian kumpulan pelbagai aktiviti berbentuk kerjasama diantara kumpulan telah dijalankan seperti Rantaian Tali, Tikar Terbang, Pembentukan Kumpulan Kecil dan Besar, Bola Beracun, Dadu Gergasi dan Baldi Spider.

Di akhir bengkel, Pn. Pengetua telah sekali lagi bersama-sama dengan pelajar memberikan "brainstorming" kepada para peserta program. Hadiah berbentuk hamper telah di beri kepada kumpulan yang berjaya di tempat pertama, kedua dan ketiga. Selepas acara penyampaian hadiah pelajar di beri makan tengahari. Bengkel telah berakhir pada jam 2.00 petang dan bertolak pulang ke Kolej Kediaman Taman Tasik Utama, Universiti Teknikal Malaysia Melaka.

Sebagai kesimpulannya, bengkel seperti ini dapat memberi pendedahan kepada para pelajar mengenai semangat setiaawan, jati diri dan merapatkan silaturahim di antara pelajar mahupun dengan Pengetua, Felo dan Staf-staf Kolej Kediaman. Di samping itu dapat menerapkan nilai-nilai keketuaan di antara mereka dan sifat tanggungjawab sebagai seorang ketua yang telah diamanahkan kepada mereka.

## GEGAR U 1

Pada 20 Januari 2008 : Putrajaya International Convention Centre (PICC). Seramai hampir 90 mahasiswa dan mahasiswi termasuk Majlis Perwakilan Pelajar telah menghadiri Program Pelancaran Kempen Gegar U musim

ke-2. di Program yang dihadiri wakil hampir dari keseluruhan IPTA dan

IPTS di Malaysia telah dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah Bin Haji Ahmad Badawi.

Program Gegar U ini dilancarkan untuk musim kedua setelah berjaya mendapat sambutan yang hangat pada musim yang pertama. Program Gegar U ini merupakan sebuah program dibawah naungan Yayasan Budi Penyayang Malaysia dengan anjuran bersama ASTRO di mana mahasiswa dan mahasiswi yang terpilih untuk mengikuti program ini akan berkhidmat dengan masyarakat. Program ini bertujuan untuk memupuk semangat perpaduan di kalangan masyarakat berbilang kaum di Malaysia di samping memberikan khidmat masyarakat. Ini telah terbukti di mana mahasiswa yang menghadiri program pelancaran ini dikehendaki membuat ayat yang berbunyi "PERPADUAN" dalam bahasa Melayu, "UNITY" dalam bahasa Inggeris, "OT TRU MAI" dalam bahasa India dan "TUÁN JIÉ" dalam bahasa Cina. Program ini juga dihadiri oleh Angkawan Negara kita, Datuk Dr. Sheikh Muszaphar Shukor dan beberapa orang pegawai tinggi kerajaan.

# Pesta Cahaya 2008

Pesta Cahaya 2008 telah diadakan dengan jayanya pada 19hb Januari 2008 bertempat di Dewan Bistari, Ayer Keroh, Melaka. Para penonton yang hadir termasuk pegawai, staf serta pelajar Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) dan mahasiswa-mahasiswi dari Institusi Pengajian Tinggi Malaysia, termasuk Malaysia Multimedia Universiti (MMU), Kolej Yayasan Melaka (KYM) dan Universiti Tun Hussien Onn Malaysia (UTHM).

Majlis dimulakan dengan ucapan Saudara Namasivayam a/l Gunesparan, Pengarah Program Pesta Cahaya 2008 kemudian diteruskan dengan ucapan daripada Ybhg. Prof. Dr. Zolkepli Bin Buang seterusnya ucapan perasmian daripada Encik Kamalanathan, Ketua Pemuda MIC, yang mewakili Yang Bhg. Datin Seri Indrani S. Samy Vellu, beliau seterusnya merasmikan Pesta Cahaya 2008 dengan menarik tali ikat banting dan menyalaikan lampu.

Persembahan kebudayaan menyusul selepas itu dengan tarian Bharathanatyam, iaitu sejenis tarian tradisi masyarakat India oleh Saudara Geetha dari Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi (FTMK) UTeM. Tarian beliau memukau penonton dengan ekspresi muka serta gerak tari yang lincah. Program diteruskan dengan tarian Vilakku, juga sejenis tarian tradisi masyarakat India. Penari-penari tarian Vilakku telah memasukkan element moden ke dalam tarian di akhir persembahan mereka yang cukup menghiburkan.

Persembahan semakin rancak dengan tarian Bharathanatyam versi lelaki daripada Saudara Sundram. Jelas seni tari yang dipersembahkan setanding dengan penari profesional. Seterusnya, persembahan digamatkan dengan tarian ala Bollywood penari jemputan oleh kanak-kanak comel dari Tadika Kasih Sayang yang pernah memenangi pertandingan persembahan tadika peringkat kebangsaan. Aksi lincah kanak-kanak tersebut amat menghiburkan sehingga para penonton memberikan tepukan gemuruh di akhir persembahan. Selain daripada Persembahan tersebut, pihak pengajur juga telah menjemput India (Indian Folk Dance) dari Kolej Yayasan Melaka (KYM) dengan aksi bertenaga dan rancak. Dari tarian India, hadirin dibawa ke alam Asia Timur dengan tarian Arab dari mahasiswa Malaysia Multimedia Universiti (MMU).

Kehadiran Yang Berhormat Datuk Raghavan amatlah dialu-alukan di pertengahan majlis menunjukkan satu sokongan yang padu dalam aktiviti pelajar-pelajar India UTeM. Jelas kemeriahinan Pesta Cahaya yang sememangnya bercahaya pada malam tersebut diakhiri Cabutan bertuah siri 2 dengan penyampaian 13 hamper oleh jemputan kehormat dan para penonton pulang dengan seribu kepuasan.



## Spring Festival Sempena Tahun Baru Cina 2008

Majlis Spring Festival sempena Tahun Baru Cina 2008 telah diadakan dengan berjaya pada 23 Februari 2008 (Sabtu) di Dewan Bistari, Ayer Keroh, Melaka yang telah dirasmikan oleh Y. Bhg. Prof. Dr. Zolkepli bin Buang, Dekan Hal Ehwal Pelajar & Alumni.

Objektif majlis ini dianjurkan adalah sebagai laluan kepada kaum lain untuk mengenali Budaya Cina dan seterusnya memupuk perpaduan antara mahasiswa/i UTeM dari berbilang kaum. Dua program telah dijalankan dalam majlis tersebut iaitu Majlis Persembahan Kebudayaan dan Pameran Kebudayaan Cina.

Dalam Pameran Kebudayaan Cina telah diadakan pameran tulisan budaya Cina, budaya lipatan kertas, mohor cina dan sebagainya. Manakala pada malamnya telah adakan persembahan. Para hadirin dihiburkan dengan pelbagai acara terdiri daripada tarian singa, orkestra UTeM, 24 Season Drum, lakonan drama, Yoyo Cina, tarian budaya Cina dan sebagainya. Malam persembahan ini telah dihadiri seramai 800 orang mahasiswa/i UTeM, 35 orang mahasiswa/i UTM dan 10 orang ahli Majlis Perwakilan Pelajar UPM dan UiTM serta 50 orang penduduk tempatan.



# FORUM INTELEKTUAL HADHARI 2008 PERINGKAT UNIVERSITI

20 Feb 2008 : Kafetaria Kampus Industri UTeM. Pusat Islam, UTeM, Unit Kerohanian Bahagian Hal Ehwal Pelajar & Alumni (HePa), Jab. Peng. Islam & Kemanusiaan, UTeM, Majlis Perwakilan Pelajar UTeM dengan kerjasama Sekretariat Islam Hadhari (Projek Khas YAB Perdana Menteri) telah mengadakan Forum Intelektual 2008 Peringkat Universiti. Program ini telah dihadiri oleh tetamu jemputan iaitu Naib Canselor UTeM.

Program berbentuk wacana ilmiah ini merupakan salah satu daripada kehendak Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) untuk diterapkan di kalangan warga universiti termasuk mahasiswa/i dan ianya adalah salah satu usaha Sekretariat Islam Hadhari dalam rangka programnya untuk menerangkan konsep dan pendekatan Islam Hadhari kepada segenap lapisan masyarakat khususnya kepada mahasiswa/i dan semua warga universiti.

Forum Intelektual Hadhari 2008 ini adalah merupakan program pembangunan rohani untuk menyemai nilai-nilai murni/Islam dalam kehidupan melalui duduk bersama dengan masyarakat setempat. Program ini dilaksanakan bagi memberikan pendedahan dan kefahaman kepada seluruh warga universiti dan mahasiswa/siswi akan 10 Prinsip Islam Hadhari yang diwar-warkan oleh pihak kerajaan.

Islam Hadhari membawa maksud ajaran Islam yang memfokuskan kehidupan untuk meningkatkan kualiti hidup dan mempunyai peradaban yang unggul bagi menghadapi cabaran semasa. Pendekatan Islam Hadhari menumpukan kepada 3 bentuk pembangunan iaitu pembangunan manusia atau individu, pembangunan masyarakat yang merangkumi keluarga dan pembangunan negara.

Berbekalkan penceramah-penceramah yang mantap iaitu Y.B Sahibul Samahah Dato' Hj. Nooh bin Gadut, Y. Bhg Ustaz Lokman bin Ismail dan pengurus Y. Bhg. Ustaz Mohd Shukor bin Puteh dengan tajuk "Islam Hadhari Menjana Masa Depan Ummah Yang Cemerlang" telah menarik lebih daripada 600 orang pelajar dan staf memenuhi dewan legar kafeteria UTeM.

Semoga matlamat untuk memberikan pendedahan kepada warga Universiti tentang 10 prinsip-prinsip Islam Hadhari serta memberi kefahaman konsep perlaksanaan Islam Hadhari dan pendekatannya dapat di terima di kalangan semua warga universiti.



## KEMENGAHAN HIV / AIDS UNTUK WARGA UTEM

19 Mac 2008, Dewan UTeM 1: Kempen ini merupakan anjuran bersama Jabatan Kesihatan Melaka, Bahagian Hal Ehwal Pelajar & Alumni UTeM dan Exco Akademik, Majlis Perwakilan Pelajar Sesi 2007/08 dengan kerjasama Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK), Badan PENGASIH dan Institute Pengurusan Melaka (IMM).

Objektif di anjurkan program ini untuk membina kesedaran mahasiswa/i terhadap HIV dan AIDS yang merupakan penyakit yang membawa risiko kematian. Dua program telah dijalankan dalam kempen ini, iaitu Pameran Kesedaran HIV/AIDS di Kafeteria Kampus Industri UTeM dan Ceramah Kesedaran HIV/AIDS di Dewan UTeM 1 Kampus Industri UTeM. Seramai 200 peserta terdiri daripada Pegawai Kanan UTeM, staf dan Mahasiswa/i UTeM telah menghadiri ceramah HIV/AIDS ini. Majlis ini telah dirasmikan oleh Y.Bhg Prof. Dr. Zolkepli Bin Buang, Dekan Hal Ehwal Pelajar & Alumni UTeM.

Dr. Ban bin Atan dari Jabatan Kesihatan Melaka telah memberi ceramah yang berkaitan virus HIV dan penyakit AIDS. Beliau turut menitikberatkan informasi-informasi dan cara-cara penyebaran virus ini serta kesan-kesannya. Selepas itu, seorang bekas penagih dadah turut menceritakan pengalaman beliau semasa berinteraksi dengan penagih dadah yang telah manghadapi AIDS.

Manakala Pameran Kesedaran HIV/AIDS berkaitan dengan informasi HIV dan AIDS telah dipamerkan oleh pihak pengangur. Suatu ujian pemeriksaan HIV/AIDS turut diadakan untuk membenarkan peserta melakukan ujian tersebut. Bagi memeriahkan lagi majlis pertandingan kuiz turut dijadakan untuk menguji pengetahuan para mahasiswa/i dalam pengetahuan HIV/AIDS. Sesi Kempen ini berakhir dengan penyampaian hadiah kepada pemenang.

## MAJLIS MUSABAQAH AL-QURAN PERINGKAT KOLEJ KEDIAMAN UTeM TAMAN TASIK UTAMA

Majlis Musabaqah Al Quran peringkat Kolej Kediaman UTeM Taman Tasik Utama telah berlangsung pada 29 Februari 2008, jam 8.30 malam bertempat di Kolej Kediaman UTeM Taman Tasik Utama 3. Majlis anjuran JAKSIS ini bertujuan menarik minat pelajar dalam menjadikan al-Quran sebagai teman hidup sehari-hari.

Tetamu kehormat bagi majlis ini ialah Y. Bhg. Prof. Dr. Zolkepli bin Buang, Dekan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni dan isteri. Sebanyak 2 kategori telah dipertandingkan iaitu tilawah dan hafazan, dan seramai 11 orang telah mengambil bahagian; 6 orang bagi kategori Tilawah manakala 5 orang bagi kategori Hafazan. Sebanyak tiga hadiah bagi setiap kategori telah disediakan iaitu RM 200 beserta sebuah al-Quran bagi johan, RM 150 beserta sebuah al-Quran untuk naib johan dan RM 100 beserta sebuah al-Quran bagi tempat ketiga. Bagi kategori tilawah, johan disandang oleh saudari Nooraidawati bte Azhari, Naib johan, saudari Nurizwani bte Maamur dan tempat ketiga saudari Nuraini Hanisah bte Baharuddin. Manakala bagi kategori hafazan, johan dimiliki oleh saudari Noorlin Rawaida bte Mohd Isa, naib johan, saudari Nuraini Hanisah bte Baharuddin dan tempat ketiga, saudari Norfarhana bte Romeli. Hadiah telah disampaikan oleh Y. Bhg. Prof. Madya Dr. Zolkepli bin Buang.

## BAKTI SISWA (BAKSIS) GUA MUSANG 2008

Pada 6 – 9 Februari 2008 : Gua Musang. Seramai 70 orang telah menyertai Program Bakti Siswa (BAKSIS) Gua Musang anjuran Kementerian Pengajian Tinggi. Peserta Baksis Gua Musang telah bertolak pada jam 10.00 malam dari Kampus Industri menuju ke Universiti Malaysia Kelantan (UMK) bagi majlis perasmian BAKSIS. Sejurus selepas tamat Majlis Perasmian yang telah dirasmikan oleh Menteri Pengajian Tinggi peserta UTeM bertolak di RKT Kesedar, Kampung Paloh 1, Gua Musang. Setibanya di sana, kemesraan penduduk kampung amat terasa seri ria wajah mereka yang ceria soalah-olah tidak sabar menanti kehadiran kami.

Majlis penyerahan anak angkat bermula selepas berakhirnya Majlis perasmian yang dirasmikan oleh Y.Bhg Datuk Prof. Ir. Ismail bin Hassan, Naib Canselor UTeM. Majlis penyerahan anak angkat bermula pada jam 6 petang dan para mahasiswa/i berangkat pulang ke rumah ayah dan ibu angkat masing-masing. Pelbagai aktiviti yang telah dirancang bagi memenuhi masa selama 3 hari 2 malam disana. Diantaranya ialah Program Salam Pantai Timur, Bengkel pembelajaran untuk pelajar yang akan menduduki peperiksaan UPSR, PMR dan SPM. Sementara itu, sebahagian daripada kami telah menjalankan aktiviti gotong royong di kawasan setempat. Pada petang hari berkenaan, kami telah menjalankan aktiviti sukan yang menglibatkan mahasiswa UTeM bersama penduduk kampung. Antara acara yang dipertandingkan ialah futsal, bola tampar, bola jaring dan acara sukaneka.

Hadiyah bagi pemenang acara tersebut telah disampaikan oleh wakil penduduk kampung dan Prof. Dr. Zolkepli bin Buang, Dekan HEPA UTeM. Pada malamnya pula, bacaan Surah Yasin serta tazkirah telah dijalankan di surau berdekatan oleh penduduk kampung. Pada pagi hari jumaat, sebahagian dari kami telah pergi ke Kuala Terengganu manakala sebahagian dari kami tinggal di Kampung Paloh 1 bagi menguruskan sesi ceramah yang disampaikan oleh Hj Mohamad bin Bukhari, kaunselor pelajar UTeM.

Aktiviti selainnya ialah kami mengadakan latihan untuk persembahan kebudayaan bagi memastikan slot kebudayaan berjalan lancar pada malam terakhir disana. Disamping itu, kami juga memberi peluang kepada penduduk kampung yang ingin berkarako ke serta mengadakan cabutan bertuah. Pada keesokan harinya, kami telah mengadakan aktiviti gotong royong membersihkan dewan dan kawasan padang. Majlis Penutup dirasmikan oleh Dekan HEPA UTeM dan kami telah bertolak pulang ke UTeM pada jam 3.00 petang dan misi dan objektif Bakti Siswa ini telah mencapai matlamatnya serta meninggalkan kenangan yang indah antara kami dan masyarakat kampung.

# PERISTIWA A



# AKTIVITI 2007



## MAJLIS GOTONG-ROYONG MEMBUAT BUBUR ASYURA ANJURAN JAKSIS KOLEJ KEDIAMAN SISWI TAMAN TASIK UTAMA 2

Majlis gotong-royong membuat bubur asyura anjuran JAKSIS Kolej Kediaman Siswi Taman Tasik Utama 2 telah diadakan pada 17 Februari 2008 bersamaan 10 Safar 1429H.

Majlis ini agak lewat dilancarkan kerana pertindihan tarikh cuti Tahun Baru Cina dengan cuti pertengahan semester II. Tetapi oleh kerana majlis ini begitu bermakna dan bersesuaian dengan tujuan ia dilaksanakan iaitu untuk mengeratkan hubungan dan beramah mesra antara Pengetua, Felo dan staf Kolej Kediaman agar hubungan yang mesra dapat dipertingkatkan lagi maka majlis ini tetap dilancarkan bilamana ia mendapat kelulusan dari Dekan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni.

Aktiviti majlis gotong royong ini di buat dalam 2 sesi. Pada sebelah malam 16/02/2008 bermula jam 8.00 malam sesi penyediaan barang-barang masakan dilakukan. Aktiviti malam itu sungguh meriah dengan kehadiran pelajar memotong bawang, daging, serai, mencuci kekacang dan kerja-kerja penyediaan semua bahan-bahan masakan yang diperlukan.

Pada 17 Februari 2008 jam 8.30 pagi majlis gotong royong dimulakan dengan penyediaan dapur memasak, mencuci peralatan dan bahan-bahan masakan yang akan digunakan.

Penyediaan bubur asyura ini dibantu oleh seorang jurumasak yang dijemput dari penduduk Taman Tasik Utama. Dengan secara tak langsung ini akan memupuk semangat bantuan membantu antara pelajar Kolej Kediaman UTeM TTU2 dengan penduduk di kawasan kejiranan asrama.

Bubur Asyura dimasak dalam dua variasi. Satu jenis bubur Asyura perasa kari dan satu lagi bubur perencah sup. Dimasak menggunakan dua periuk yang berlainan, dan dimasak serentak untuk menjimatkan masa.

Lebih kurang jam 1.00 tengahari bubur dari periuk pertama yang berperisa kari siap dimasak. Satu jam kemudian bubur dari periuk kedua juga telah siap dimasak. Bubur-bubur ini kemudian diisi ke dalam mangkuk-mangkuk plastik untuk diagihkan kepada para pelajar.

Pada jam 4 petang semua kerja-kerja memasak, membungkus dan mencuci peralatan memasak siap dilakukan. Maka sempurna sudah satu majlis gotong royong antara pelajar dan staf kolej kediaman TTU2.

Pada kesimpulannya majlis ini berjaya dilaksanakan mengikut hasrat yang diinginkan iaitu merapatkan hubungan baik antara pelajar, felo, pengetua dan staf kolej kediaman. Selain dari itu majlis ini juga dapat menjalin hubungan yang lebih mesra antara pelajar dan penduduk di kejiranan kawasan asrama. Ia juga berjaya menjalin hubungan yang lebih mesra dan semangat tolong menolong antara sesama pelajar.

## TAHNIAH BAGI MAHASISWA/I YANG DIANUGERAHKAN SIJIL ANUGERAH DEKAN

5 Mac 2008 : Ballroom MTC Melaka. Sijil Anugerah Dekan di anugerahkan kepada pelajar-pelajar UTeM yang mendapat GPA 3.5 keatas. Sijil ini merupakan satu penganugerahan Fakulti dan Universiti terhadap kecemerlangan pelajar dalam bidang Akademik masing-masing. Penganugerahan Sijil Anugerah Dekan ini merupakan satu pengiktirafan Fakulti dan Universiti kepada pelajar-pelajar yang telah menunjukkan kegigihan, ketekunan, dedikasi dan komitmen penuh kepada pelajaran. Seramai 289 orang pelajar akan menerima Sijil Anugerah Dekan untuk Semester II Sesi 2006/2007 dan 420 orang untuk Semester I Sesi 2007/2008.



### Semester II Sesi 2006/2007

1.	FKE	-	88 orang Pelajar
2.	FKEKK	-	92 Orang Pelajar
3.	FKM	-	35 orang Pelajar
4.	FKP	-	52 orang Pelajar
5.	FTMK	-	22 Orang Pelajar

### Semester I Sesi 2007/2008

1.	FKE	-	92 Orang Pelajar
2.	FKEKK	-	103 Orang Pelajar
3.	FKM	-	50 Orang Pelajar
4.	FKP	-	92 Orang Pelajar
5.	FTMK	-	83 Orang Pelajar

# KEM EKSPLORASI MINDA SISWA CEMERLANG

Program Eksplorasi MINDA Siswa Cemerlang atau dahulunya dikenali sebagai Kem Pemantapan Jati Diri dan Pembangunan Sahsiah merupakan salah satu program anjuran Majlis Perwakilan Pelajar(MPP) dengan kerjasama Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UTeM telah menyahut seruan kerajaan bagi melahirkan modal insan yang berkeyakinan tinggi, berilmu, berwawasan serta berketerampilan. Baru-baru ini pengajuran Kem Eksplorasi Minda Siswa Cemerlang Siri 1/2008 telah diadakan pada 1-3 Februari 2008 di Pusat Latihan FELCRA Tebing Tinggi Segamat,Johor. Program ini mendapat sambutan yang cukup menggalakkan daripada mahasiswa/i jumlah peserta seramai 74 orang.

Program ini adalah satu program yang berteraskan kepada pembinaan personaliti yang mantap dalam semua aspek terutama untuk melahirkan mahasiswa yang mempunyai ciri-ciri seorang pemimpin,pendirian teguh, berkaliber,bersahsiah tinggi dan sentiasa bersikap positif. Ia secara tidak langsung dapat melahirkan mahasiswa/i yang berani,cekal dan tabah bukan sahaja dalam aspek akademik bahkan dalam menghadapi cabaran dan dugaan kehidupan seharian.

Di samping itu, kem ini juga menerapkan ciri-ciri kepimpinan, memantapkan generasi remaja dengan sahsiah diri yang teguh dan berintegriti tinggi serta boleh menyesuaikan diri dengan fenomena sosial semasa, di samping peka dan sedar betapa pentingnya soal keselamatan diri.

Pengisian Program yang diimbangkan dengan aktiviti bercorak 'indoor' dan 'outdoor' ini berjaya memberikan input-input baru kepada mahasiswa yang rata-ratanya merupakan pelajar tahun satu di UTem. Ceramah yang bertajuk ' Mengenal Diri : Dalam Konteks Pembangunan Sahsiah' oleh Pn Norida Binti Abdullah, Pegawai Kaunselor UTeM dan Ceramah Jati Diri Mahasiswa dalam Konteks Pembangunan Modal Insan oleh En. Zainudin Bin Ahmad. Aktiviti i'outdoor' Iron Chef, Hourse Crossing, Jungle Tracking.

Pengarah Program, Saudara Mohd Firdaus Ibrahim berkata penglibatan, kerjasama dan komitmen yang ditunjukkan oleh semua peserta amat baik dan puas hati. Malah beliau yakin serta percaya, objektif pelaksanaan program ini dapat dirasai dan diperoleh oleh semua pihak.

Kesimpulan,semoga program ini mampu menjadi penggerak kepada mahasiswa/i agar dapat menjadi seseorang yang lebih kuat, cekal dan juga berani dalam menghadapi apa sahaja cabaran dan dugaan kehidupan seharian.

## Majlis Pelancaran Kempen Anti-Merokok

30 Januari 2008 : Cafeteria UTeM. Pejabat Hal Ehwal Pelajar & Alumni UTeM dengan Kerjasama Kementerian Kesihatan Malaysia telah mengadakan Kempen Anti-Merokok di peringkat Universiti Teknikal Malaysia Melaka bagi semua warga kampus di kalangan pelajar dan staf. Majlis ini telah disempurnakan oleh Y.Bhg. Datuk Prof.Ir. Ismail bin Hassan naib canselor UTeM. Program ini bertujuan untuk menjadikan kawasan Universiti sebagai kawasan larangan merokok.

Merokok merupakan perbuatan yang dilarang dilakukan di beberapa premis seperti sekolah, hospital, universiti dan lain-lain kawasan seperti mana yang telah diwartakan melalui Peraturan-peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004, jika seseorang merokok di tempat yang dilarang boleh didenda tidak melebihi RM10,000.00 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 2 tahun.

Program ini bertujuan membentuk peribadi warga UTeM bebas dari ketagihan merokok. Selain itu, menjadikan warga UTeM sihat bebas daripada penyakit yang berpunca daripada merokok seperti barah paru-paru,strok,dan sebagainya.

Oleh itu, kita mengharapkan peluang dan kesempatan yang ada ini tidak disia-siakan oleh pelajar yang bakal menerajui kepimpinan akan datang. Sekalung penghargaan diucapkan kepada Kementerian Kesihatan Malaysia,semua warga UTeM serta semua pihak yang terlibat secara langsung ataupun tidak langsung dalam menjayakan Majlis Pelancaran Kempen Anti-Merokok UTeM ini.



## PROGRAM PEMBANGUNAN SAHSIAH MPP SEMALAYSIA

Pada 18 hingga 20 Januari 2008 ;, EPF Sosial Security Training Institute (ESSET), Bangi, Selangor Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UTeM telah menghadiri Program Pembangunan Sahsiah MPP IPTA SeMalaysia yang dihadiri hampir kesemua MPP IPTA SeMalaysia bertujuan untuk membangunkan sahsiah kepimpinan MPP yang baru dilantik secara rasmi untuk sesi 2007/2008. Pengisian yang menjana minda seluruh perwakilan MPP telah berjaya menghasilkan generasi kepimpinan yang bakal mengentarkan barisan dan kepimpinan selaku wakil mahasiswa bagi setiap universiti. Antara pengisian program ini adalah seperti taklimat Perancangan Pelan Strategik Kementerian Pengajian Tinggi, Taklimat Media Massa dan pelbagai lagi. Program ini juga berjaya mengeratkan hubungan delegasi antara MPP universiti – universiti lain.



# UTeM KEKAL JUARA FIESTA MUZIK MAKUM 2008

Pada 13 hingga 15 Mac 2008: Universiti Malaysia Perlis. Seramai 16 orang pelajar dari Kumpulan Orkestra UTeM telah menyertai Pertandingan Fiesta Muzik MAKUM 2008. Pertandingan ini merupakan program anjuran Universiti Malaysia Perlis sebagai tuan rumah dengan kerjasama Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Malaysia serta Majlis Kebudayaan Universiti Malaysia (MAKUM). Sebanyak 13 IPTA telah menyertai pertandingan tersebut dan hanya 6 IPTA yang layak ke peringkat akhir iaitu :

Universiti Malaysia Perlis (UNIMAP)  
Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)  
Universiti Sains Malaysia (USM)  
Universiti Malaya (UM)  
Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)  
Universiti Utara Malaysia ( UUM )

Meskipun tanpa fakulti atau bidang pengkhususan dalam muzik, UTeM sekali lagi berjaya mengulang sejarah untuk kali keduanya menjulang Anugerah Johan Keseluruhan dan ini sekaligus meletakkan nama UTeM di suatu tempat yang tinggi sebagai Johan Keseluruhan untuk dua tahun berturut – turut. Kemenangan ini sekali lagi berjaya menaikkan dan mengharumkan nama UTeM sekaligus membawa nama Negeri Melaka dijulang tinggi dalam dunia muzik. Anugerah kejayaan yang penuh gemilang itu telah disampaikan oleh D.Y.M.M Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail D.K , S.P.M.P



## PROGRAM LARIAN UTeM JOGATHON 2008

02 MARCH 2008 ( AHAD ), Bermula di Kampus Industri Cubic ke Kompleks Sukan UTeM. Program ini dianjurkan dengan usahasama JAKSIS Kolej Kediaman bersama dengan Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA), Pusat Sukan UTeM, Canselor dan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP UTeM).

UTeM Jogathon 2008 merupakan satu medium integrasi antara kaum yang dapat merapatkan hubungan sesama mahasiswa dengan cara yang sihat. Peranan sukan amat penting membentuk insan yang bukan sahaja sihat dan cergas tetapi ia juga merupakan medium mencapai perpaduan dalam komuniti yang terdiri dari pelbagai latarbelakang bangsa dan budaya.

Di peringkat universiti, ianya merupakan salah satu cara mahasiswa dapat berinteraksi antara satu sama lain dengan mengikuti program berbentuk kesukanan yang secara tidak langsung akan mempromosikan gaya hidup sihat. Penganjuran kejohanan UTeM Jogathon 2008 kali pertama ini merupakan medan terbaik untuk mahasiswa dan staf universiti dapat bersama-sama beribadah dan secara tidak langsung dapat merapatkan hubungan di kalangan mahasiswa dan staf universiti.

Seramai 800 orang peserta mewakili semua iaitu :

- Kolej Kediaman UTeM Murni ( 200 orang pelajar )
- Kolej Kediaman UTeM Bunga Raya ( 200 orang pelajar )
- Kolej Kediaman UTeM TTU ( 200 orang pelajar )
- 100 orang peserta mewakili staf-staf UTeM ( Senior dan Veteran )
- 100 orang peserta mewakili mahasiswa.siswi UTeM yang tinggal di luar Kolej Kediaman.

### HADIAH

- |                               |   |
|-------------------------------|---|
| 1. Hadiyah tempat pertama     | - Wang tunai RM200.00 beserta pingat emas   |
| 2. Hadiyah tempat kedua       | - Wang tunai RM150.00 beserta pingat perak  |
| 3. Hadiyah tempat ketiga      | - Wang tunai RM100.00 beserta pingat gangsa |
| 4. Hadiyah tempat 4 hingga 30 | - Berupa Hamper bernilai RM20.00            |

**Senarai nama-nama pemenang mengikut kategori adalah seperti berikut :-**

#### Kategori Mahasiswa

- |                   |                                  |
|-------------------|----------------------------------|
| 1. Tempat Pertama | - Mohammad Zaheen bin Abd Rashid |
|                   | - FKM                            |
| 2. Tempat Kedua   | - Hapiz bin Shahril              |
|                   | - FKE                            |
| 3. Tempat Ketiga  | - Mohd Hafizudin bin Othman      |
|                   | - FKM                            |

#### Kategori Mahasiswa

- |                  |                              |
|------------------|------------------------------|
| 1.Tempat Pertama | - Nurul Hikma binti A.Radzak |
|                  | - FKEKK                      |
| 2.Tempat Kedua   | - Mahirah binti Mohamad      |
|                  | - FKE                        |
| 3.Tempat Ketiga  | - Azni binti Ahmad           |
|                  | - FTMK                       |

#### Kategori Veteran Lelaki ( Staf )

- |                  |                            |
|------------------|----------------------------|
| 1.Tempat Pertama | - Tan Kim See              |
|                  | - FKEKK                    |
| 2.Tempat Kedua   | - Abdul Aziz bin Abu Bakar |
|                  | - Canselor                 |
| 3.Tempat Ketiga  | - Kasron bin Beseth        |
|                  | - Pejabat Pendaftar        |

#### Kategori Lelaki ( Staf )

- |                  |   |
|------------------|---|
| 1.Tempat Pertama | - Mohd Syarizal bin Mohd Razali         |
|                  | - Pejabat Pendaftar                     |
| 2.Tempat Kedua   | - Mustafah bin Abd. Malek               |
|                  | - Pejabat Pendaftar                     |
| 3.Tempat Ketiga  | - Shamsul Bahari bin Azraai             |
|                  | - Kategori Staf Wanita / Veteran Wanita |

#### Kategori Staf Wanita / Veteran Wanita

- |                  |                         |
|------------------|-------------------------|
| 1.Tempat Pertama | - Rozana binti Muhamad  |
| 2.Tempat Kedua   | - Hashimah binti Hashim |
| 3.Tempat Ketiga  | - Norida binti Abdullah |

# PAMERAN

## KEBAKARAN DAN PENYELAMAT MANGSA YANG BERKESAN

19 MARCH 2008 (RABU ), PERKARANGAN BLOK A KOLEJ KEDIAMAN UTeM MURNI, Unit Kolej Kediaman & Perumahan Pelajar Universiti Teknikal Malaysia Melaka telah mengadakan kerjasama dengan Ibu Pejabat Bomba dan Penyelamat Negeri Melaka untuk mengadakan Pameran Kebakaran dan Penyelamat Mangsa yang berkesan.

Målamat program ialah mendidik Mahasiswa agar mempunyai kesedaran tentang beberapa aspek pengetahuan yang berguna mengenai bahaya api dan mendedahkan tindakan perlu bagi pencegahan awal. Mahasiswa dapat merancang, melaksana serta mengetahui cara-cara memadam api kebakaran serta asas pertolongan cemas. Menimbulkan rasa kasih sayang persefahaman serta tolak ansur sesama sendiri dalam mengawasi keselamatan harta benda dan kehidupan bermasyarakat.



Penerangan Pemadam Api



Ceramah Pemadam Api



Cara2 menggunakan pemadam api



Cara memegang pemadam api



Cara memadam api dengan cepat



Gambar bersama anggota bomba

## STAF DALAM LIPATAN KENANGAN HEPA



Y.BHG DATO' PROF. DR. MOHD NOR HUSAIN

BERTUKAR SEBAGAI DEKAN FAKULTI KEJURUTERAAN ELETRONIK DAN KEJURUTERAAN KOMPUTER.

PN NORIDAH BINTI BORHAN

TELAH KEMBALI KE RAHMATUALLAH  
PADA 28 DISEMBER 2007



EN ZAINUDIN AHMAD

BERTUKAR KE CANSELORI SEBAGAI  
TIMBALAN PENDAFTAR



EN. MOHAMAD HJ BOKHARI

PENSYARAH DI PUSAT BAHASA DAN  
PEMBANGUNAN INSAN



EN AZHAR SALLEH

KETUA PENOLONG PENDAFTAR  
DI FAKULTI KEJURUTERAAN ELETRONIK DAN  
KEJURUTERAAN KOMPUTER



EN. MOHD NIZAM MAZLAN

KETUA PENOLONG PENDAFTAR  
FAKULTI KEJURUTERAAN ELEKTRIK



EN.SYAMSUL IQBAL MOHD AKIN

PENOLONG PENDAFTAR DI  
PENDAFTAR



PN. NORHAYATI MAHAT

PEMBANTU TADBIR KANAN DI FKEKK



CIK SITI AISHAH MAT ZIN

PEMBANTU TADBIR KANAN DI FKE



PN. AZLINAH AJIS


PEMBANTU TADBIR DI BAHAGIAN  
PERHUBUNGAN AWAM &  
KORPORAT



EN SHABERI BIN KADIM

TELAH BERTUKAR DI HURNEY GURNEY  
SEBAGAI PEMBANTU PERUBATAN

**SELAMAT DATANG DIUCAPKAN KEPADA STAF BARU DI UNIT PENTADBIRAN HEPA**



**Y.BHG PROF. DR. ZOLKEPLI B. BUANG**

Menggantikan Y.Bhg Dato' Prof. Dr. Mohd Nor bin Husain sebagai Dekan Hal Ehwal Pelajar & Alumni.



**ENCIK ZAINAL BIN BIDIN**  
KETUA TIMBALAN PENDAFTAR HEPA



**PN. NOORNAHAR BINTI AKASHAH**  
TIMBALAN PENDAFTAR HEPA



**PN. FARIDAH BINTI AHMAD SAMAH**  
PEMBANTU TADBIR (P/O) KANAN



**PN. NAZHATUL SHIMA BINTI ABU**  
PEMBANTU TADBIR (P/O)



**EN. MOHD RUSDI BIN ISOHOD**  
PEMBANTU AM PEJABAT  
KANAN



**PN. NOR AZLINA BINTI MD ARIS**  
PEMBANTU TADBIR (KEWANGAN)

**Bahagian Pembangunan Pelajar**



**EN. DEENO AIZAD ABDI BIN  
MD. NOH**  
KETUA PENOLONG PENDAFTAR  
(MEMANGKU)



**MAHATHIR BIN MAZIAN**  
PENOLONG PENDAFTAR  
(UNIT KEROHANIAN)



**EN. ZAINUDDIN BIN ABDUL HAMID**  
PENOLONG PENDAFTAR  
(UNIT KEUSAHAWANAN)



**PN. RAFIDAH BTE MD DUSA**  
PENOLONG PENDAFTAR  
(UNIT DISIPLIN DAN KESELAMATAN  
PELAJAR)



**EN. MOHD SUJAIRI BIN HARUN**  
PEMBANTU TADBIR (P/O)  
(UNIT KAUNSELING)

## Bahagian Perkhidmatan Pelajar



**PN. IDAMURNI BT. ISMAIL**  
KETUA PENOLONG PENDAFTAR  
(MEMANGKU)



**EN. ZULKIFLI BIN SHARIFF**  
PENGETUA KOLEJ  
KEDIAMAN BUNGA RAYA



**PN. AZIZAH BT SHAABAN**  
PENGETUA KOLEJ KEIDIAMAN  
TAMAN TASIK UTAMA



**PN. MAZNE BINTI JAAFFAR**  
PENGURUS ASRAMA



**PN. SRI KARTINI RAHAYU BT.  
NORDIN**  
PEMBANTU TADBIR (P/O)  
(UNIT KEBAJIKAN)



**CIK NURUL HIDA BT. ZULKIFLI**  
PEMBANTU TADBIR (P/O)  
(UNIT PENEMPATAN PELAJAR)



**PN. SITI AMINAH BT. MD ALI**  
PENYELIA ASRAMA




**EN. MOHD FAIZAL B. MD  
GHAZALI**  
PENYELIA ASRAMA



**CIK SAFINAZ BT. NORDIN**  
PENYELIA ASRAMA



**CIK NORADILA BT. ABD RAHIM**  
PENYELIA ASRAMA



**EN. AMIR SHARIFUDDIN B.  
MOHD YASIN**  
PENYELIA ASRAMA



**EN. AMIRRUDDIN B.  
JAMALUDIN**  
PENYELIA ASRAMA



**EN. AZLAN B. SUPARMAN**  
PENYELIA ASRAMA



**CIK NURUL AINA BT. ABD GHANI**  
PEMBANTU TADBIR (P/O)  
(KLINIK PELAJAR )



**EN. KRISHNAN A/L MARIMUTHOO**  
PEMBANTU PERUBATAN  
(KLINIK PELAJAR )